

Lengkapkan dialog di bawah dengan kata adjektif yang sesuai.

rapat

halus

sunyi

kagum

dekat

jauh

indah

licin

sedap

keras

Farid : Ladang ini agak _____ dari kawasan perumahan. Suasana di sini pun _____ tanpa bunyi kenderaan lalu lalang. Kehijauan ladang buah naga datuk sungguh _____.

Datuk : Kawasan ini memang sesuai untuk tanaman. Tanahnya agak gambut. Lagipun, kawasan ini _____ dengan sungai agar mudah untuk mendapat air untuk menyiram tanaman ini.

Farid : Saya begitu _____ akan usaha datuk ini. Selain mengusahakan tanaman sayur-sayuran, datuk juga mengusahakan tanaman buah naga.

Datuk : Buah naga semakin mendapat permintaan yang tinggi. Pokok naga ini seperti kaktus tetapi tidak berduri. Batangnya seperti daun dan _____. Datuk menanam pokok buah naga ini agak _____ untuk mengelakkan lalang tumbuh. Buah naga sesuai dijadikan ramuan dalam salad buah-buahan kerana isinya agak unik. Buah naga boleh dimakan begitu sahaja atau dibuat jus. Isi buah naga ada yang berwarna putih, merah dan ungu serta taburan biji-biji hitam yang _____ serta boleh dimakan. Apabila memilih buah naga pastikan sisiknya berwarna hijau, berat, segar dan _____.

Farid : Saya suka minum jus buah naga . Rasanya sungguh _____. Bolehlah saya membantu datuk memetik buah naga yang sudah masak.

Datuk : Boleh Farid. Buah naga ini sudah ditempah oleh seorang pemborong.